

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

STU 241 Perkembangan Manusia dan Sahsiah

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih **EMPAT** (4) soalan sahaja.

1. Satu isu di dalam psikologi perkembangan ialah sama ada proses-proses perkembangan merupakan proses berterusan atau proses berperingkat-peringkat. Bincangkan isu ini dengan merujuk kepada proses perkembangan identiti.

[25 markah]

2. Huraikan beberapa faktor risiko pranatal yang mungkin menjejaskan perkembangan janin seorang ibu remaja daripada kelas sosioekonomi rendah.

[25 markah]

3. Bagaimanakan faktor-faktor semulajadi dapat mempengaruhi perhubungan perapatan antara kanak-kanak dan penjaganya?

[25 markah]

... 2/-

4. Sesetengah ahli psikolinguistik berpandangan bahawa kanak-kanak mempunyai predisposisi semulajadi dalam perkembangan bahasa. Setakat manakah anda setuju atau tidak setuju dengan pandangan tersebut? Terangkan jawapan anda.

[25 markah]

5. Bincangkan maksud konsep keturunan. Apakah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kecerdasan sangat dipengaruhi oleh keturunan?

[25 markah]

6. Apakah kesan cara-cara pengasuhan authoritarian, autoritatif dan permissif? Bincangkan jawapan anda dengan merujuk kepada perkembangan kebebasan.

[25 markah]

7. Apakah kesan jantina terhadap perkembangan?

[25 markah]

8. Pada peringkat tua, apakah faktor-faktor yang didapati mempunyai perkaitan rapat dengan kepuasan hidup yang tinggi. Setakat manakah faktor-faktor ini mungkin dipengaruhi oleh perkara-perkara yang berlaku pada peringkat-peringkat perkembangan sebelum ini?

[25 markah]